



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Perubatan UKM

UKM Medical Centre



HUKM3.10.4/224/2/4 Jld.2

13 OGOS 2014

PEKELILING KEWANGAN BIL. 15/2014

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pusat Perubatan UKM

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

POLISI PEMBEKALAN ALAT PERUBATAN BAGI PEMBEDAHAN JANTUNG

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Pusat Perubatan UKM bersetuju untuk menghentikan pembekalan alat perubatan pembedahan jantung bagi empat (4) bulan terakhir (September – Disember) tahun 2014 kepada pesakit-pesakit berkuatkuasa **15 Ogos 2014 (Jumaat)**. Saranan ini adalah mengambil kira kekangan peruntukan sedia ada bagi tahun semasa Jabatan.

Justeru itu, semua pesakit samada pesakit awam/kakitangan kerajaan/lain-lain kategori pesakit mahupun kakitangan UKM dan Pusat Perubatan UKM yang akan menjalani pembedahan jantung, perlu membuat pembelian terus daripada syarikat yang dicadangkan oleh pakar perubatan berkenaan bagi mendapatkan bekalan alat kardiologi sebelum pembedahan jantung dilaksanakan. Polisi pembekalan ini akan disemak dari masa ke semasa melihat kepada kecukupan peruntukan hospital atau sebarang perubahan kepada polisi sedia ada.

Sehubungan itu, segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,

RABIAH BINTI HJ ARHAM

Ketua

Jabatan Kewangan

Pusat Perubatan UKM

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan-Timbalan Dekan, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, PPUKM
 - Fail Edaran

Jabatan Kewangan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yasrab Lelil, Bandar Tun Razak, 53000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Telefon: +603-9145 5228/5214/5244/7972 Faksimili: +603-9173 8806 E-mel: <http://kewangan.fakulti.ukm.my>

